

Penghayatan Konsep 1Malaysia Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran: Pengalaman UNITEN

Noor Azam bin Abdul Rahman & Mohd Ariff Ahmad Tarmizi

Kolej Pengajian Asas & Umum

Universiti Teknologi Nasional, Campus Putrajaya

Jalan IKRAM-UNITEN

43000 Kajang, Selangor

noorazam@uniten.edu.my

Abstract: The 1Malaysia spirit first gained the attention of all parties when it revealed many positive effects for the long term development of the nation. Hence, scientific research related to this aspirational concept of the government needs to be more actively intensified. The application of 1Malaysia values can be done in many ways. It depends on the target group that we set. This concept, in general, must be applied to people from all walks of life. Among the important target groups that need awareness are students in institutions of higher learning as they are the generation that will lead the country in the future. This group is also the generation that will shape the nation in the long term. This study examines several ways of sowing and appreciating the 1Malaysia values used on undergraduates at UNITEN. This effort is emphasised through assignments given in subjects taught in Bahasa Malaysia. Generally, all the major subjects in UNITEN use the English Language as the medium of instruction in teaching and learning. However, there are several core university subjects for which Bahasa Malaysia is the medium of instruction. This study will explain the impact of the use of Bahasa Malaysia on sowing the spirit of 1Malaysia through the preparation of given assignments. The study bases its research on questionnaires distributed to 300 students taking the subject of Malaysian Studies in semester 2 of the 2009/2010 session at UNITEN. The results of this study reveal many positive effects that encourage students to accept and practise the government's aspirational concept of 1Malaysia.

PENDAHULUAN

Konsep 1Malaysia secara umum memberi makna semua warga Malaysia adalah satu kumpulan yang sama. Tanpa melihat kewujudan perbezaan yang selama ini membatasi setiap kumpulan yang ada. Konsep ini diperkenalkan dengan hasrat dan cita-cita yang luas bagi mewujudkan satu negara bangsa yang jelas hala tuju dan matlamatnya. Iaitu melangkah bersama-sama ke arah kemajuan negara. Semua kejayaan akan dikongsi bersama sebagai warga Malaysia. Dalam masa yang sama setiap warga masih lagi kekal dan utuh dengan kepercayaan dan adat resam masing-masing berserta dengan rasa hormat yang tinggi terhadap agama dan kepercayaan kumpulan yang lain. Rasa saling hormat menghormati yang diterapkan melalui konsep 1Malaysia inilah yang membezakannya dengan konsep kebersamaan yang lain.

Konsep ini memerlukan penerangan yang jitu dan berterusan dari pelbagai pihak demi menjamin kelangsungan dan kejayaannya. Pelbagai sektor dan bahagian dalam negara perlu mengambil bahagian memberi penerangan yang jelas kepada semua lapisan masyarakat. Begitu juga dari segi cara penyampaiannya perlu secara strategi yang betul. Berdasarkan kumpulan sasaran yang tepat.

1MALAYSIA DALAM PENDIDIKAN DI MALAYSIA

Pendidikan di Malaysia adalah antara sektor yang berkembang dengan pesat dan cepat. Bidang pendidikan telah menjadi salah satu sektor yang mampu menjana pendapatan kepada negara. Perkembangan yang menggalakkan ini telah melahirkan begitu banyak pusat-pusat pendidikan. Bermula dari pendidikan peringkat rendah sehinggalah ke peringkat pengajian tinggi, bukan sahaja disediakan oleh sektor awam malah disediakan juga oleh pihak swasta. Perkembangan ini menyebabkan bertambahnya ruang dan peluang untuk warga tempatan menimba ilmu. Dari aspek lain pula perkembangan ini telah menimbulkan kesedaran di kalangan ibu bapa penjaga bahawa pembelajaran di peringkat yang lebih tinggi sehingga ke menara gading adalah satu keperluan.

Di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) kebanyakannya menawarkan kursus-kursus yang berbentuk teknikal dan sesuai dengan keperluan di pasaran kerja. Penyesuaian dengan pasaran kerja semasa ini menyebabkan IPTS ini menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan andaian, pasaran pekerjaan semasa memerlukan graduan yang boleh berbahasa Inggeris dengan baik. Tanggapan ini secara tidak langsung telah memberi kesan negatif kepada perkembangan bahasa Malaysia, khususnya di IPTS.

Walau bagaimanapun, kerajaan melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah menggariskan beberapa syarat kepada IPTS berkaitan penggunaan bahasa Malaysia. Antaranya pelajar perlu lulus dengan kepujian dalam subjek Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, sebagai syarat kemasukan. Jika tidak pelajar tersebut perlu mengambil subjek Bahasa Kebangsaan di peringkat IPT masing-masing. Dan kelulusan adalah wajib. Selain itu subjek Pengajian Malaysia juga diwajibkan kepada semua pelajar di IPTS. Ini adalah subjek wajib ambil dan wajib lulus kepada

semua pelajar IPTS warganegara Malaysia. Subjek Pengajian Malaysia disyaratkan diajar menggunakan bahasa Malaysia. Kecuali mendapat kelulusan daripada Menteri Pengajian Tinggi. Kebanyakan IPTS menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar untuk subjek ini. Di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) contohnya, subjek Pengajian Malaysia disampaikan menggunakan bahasa Malaysia. Walaupun untuk subjek-subjek lain, iaitu subjek major menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium pengajaran dan pembelajaran.

Penggunaan bahasa yang berbeza ini telah memberi kesan yang berbeza juga kepada para pelajar. Perbezaan ini wujud dari perspektif yang berbeza-beza. Jika dilihat dari perspektif proses pengajaran dan pembelajaran ia memberi kesan terhadap keputusan peperiksaan. Jika dilihat dari aspek semangat kenegaraan dan nilai-nilai yang terhasil daripada proses pengajaran juga terdapat perbezaannya.

Konsep 1Malaysia yang menekankan kepada lapan nilai utama ini sebenarnya telah pun diserapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat pengajian tinggi khususnya di IPTS. Walaupun masyarakat sering memandang sinis dan memberi nilai yang prejudis terhadap penerapan nilai yang baik di IPTS. Dalam konteks UNITEN, pelajar-pelajar di sini digalakkan menjalankan pelbagai aktiviti sama ada berbentuk tugas akademik ataupun aktiviti ko-kurikulum dalam bentuk berkumpulan. Ahli kumpulan ini pula terdiri daripada pelbagai kaum.

Nilai budaya kecemerlangan, ketabahan, kesetiaan dan integriti contohnya sering berlaku dalam konteks kerja berkumpulan ini. Aktiviti-aktiviti ini secara tidak langsung memupuk dan menyemai nilai-nilai 1Malaysia terhadap pelajar.

Kertas kerja ini akan menjelaskan sebahagian daripada aktiviti yang melibatkan pelajar-pelajar semasa menyediakan tugas berkumpulan untuk subjek Pengajian Malaysia. Faktor utama subjek ini dipilih untuk kajian ini adalah kerana subjek ini menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam proses pengajaran dan pembelajarannya. Kajian cuba untuk melihat peranan bahasa Malaysia sebagai alat menyemai nilai-nilai yang digariskan dalam konsep 1Malaysia.

BAHASA SEBAGAI ALAT MENYEMAI SEMANGAT 1MALAYSIA

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002) bahasa adalah sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia iaitu antara seorang individu dengan individu yang lain dan sebagainya. Selain itu bahasa juga boleh didefinisikan sebagai percakapan yang baik, tingkah laku yang baik, sopan santun dan berbudi. Lazimnya penggunaan bahasa adalah sebagai medium utama dalam proses manusia berkomunikasi.

Prof. Hashim Hj. Musa melalui sebuah artikel, 'Hakikat Bahasa dan Huraian Tatabahasa' menerangkan bahawa bahasa manusia berbeza dengan bahasa haiwan atas dasar sifat bahasa manusia yang kreatif (boleh membentuk pola ucapan atau ayat yang baru), inovatif (boleh membina struktur yang baru), dan kumulatif (boleh

menimbulkan ciptaan-ciptaan yang baru), yang tidak dipunyai oleh bahasa haiwan yang lebih merupakan naluri. (Hashim Hj. Musa: 2005, Monograf Jabatan Bahasa Melayu, APMUM)

Dalam konteks komunikasi, bahasa adalah item penting yang boleh mewujudkan proses komunikasi. Ini kerana proses komunikasi melibatkan penyaluran dan pertukaran maklumat antara penyampai dan penerima melalui salah satu item berikut, sama ada bahasa, bunyi atau isyarat pergerakan anggota badan. Sebagai satu proses, komunikasi terdiri daripada satu siri unsur yang bukan sahaja berkait rapat tetapi juga berinteraksi antara satu sama lain, melalui saluran tertentu, misalnya bahasa untuk menghasilkan maklumat. (Teo Kok Seong: 1998, Dewan Bahasa)

Bahasa memainkan peranan yang besar dalam sesuatu proses komunikasi. Ini kerana bahasa dalam komunikasi merangkumi bukan sahaja susunan ayat-ayat yang lengkap dari segi tatabahasa dan linguistiknya tetapi perlu juga merangkumi elemen –elemen lain seperti semantik, semiotik, sosiolinguistik serta norma dan budaya setempat. Hal ini disebut sebagai etnografi komunikasi.

Bahasa Malaysia yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Pengajian Malaysia ini dilihat mampu menjadi alat penyatuan antara pelajar yang berbilang bangsa dan keturunan serta berasal dari negeri dan budaya hidup yang berbeza. Perbezaan yang berlaku ini mampu disatukan dengan penggunaan bahasa yang sama. Iaitu sama faham dan sama tahu penggunaannya berdasarkan situasi, norma dan budaya semasa. Bahasa Malaysia yang perlu digunakan semasa menyiapkan laporan tugas berkumpulan memerlukan para pelajar ini bersatu, berbincang dan cuba memahami setiap patah perkataan yang digunakan. Hal ini secara tidak langsung membentuk nilai yang sama di kalangan pelajar terbabit. Kesan penggunaan bahasa sebagai alat komunikasi dalam proses menyiapkan tugas berkumpulan ini telah memberi kefahaman kepada para pelajar berkaitan nilai Malaysia yang dibincangkan.

PENGALAMAN UNITEN – PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SUBJEK BERBAHASA MALAYSIA

Di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) para pelajar diwajibkan mengambil subjek Pengajian Malaysia sebagaimana yang disyaratkan oleh MQA. Subjek ini disampaikan dalam bahasa Malaysia. Selain daripada itu para pelajar juga diwajibkan mengambil subjek Pendidikan Islam (bagi Muslim), Pendidikan Moral (non-Muslim), dan Bahasa Melayu Korporat sebagai subjek wajib universiti. Semua subjek ini menggunakan bahasa Malaysia sebagai medium pengajaran dan pembelajaran. Selain daripada itu terdapat juga subjek-subjek yang bersifat pilihan seperti subjek Kepimpinan dan Keusahawanan, Pengurusan Sukan dan Sains Kesihatan, Pemikiran Kreatif dan beberapa subjek lain dalam bidang sains sosial. Semua subjek ini menggunakan bahasa Malaysia sebagai medium pengajaran dan pembelajaran. Subjek-subjek ini ditawarkan oleh Institut Kajian Liberal, UNITEN. Di Institut Kajian Liberal, subjek yang ditawarkan adalah dalam bidang sains sosial, bahasa dan sains sukan serta ko-kurikulum.

Subjek Pengajian Malaysia di UNITEN disampaikan mengikut silibus yang telah ditetapkan oleh MQA. Walau bagaimanapun panduan yang disediakan oleh MQA tersebut adalah sebagai panduan asas sahaja. Iaitu pembahagian tajuk serta jumlah jam yang diperuntukkan akan disediakan oleh pihak yang menawarkan subjek tersebut. Di UNITEN jumlah tajuk yang dirangka meliputi enam tajuk utama iaitu; Sejarah dan Politik, Perlembagaan Malaysia, Pembinaan Negara-bangsa, Malaysia dalam Era Globalisasi, Dasar Luar Negara, dan Alam Sekitar dan Isu-isu Semasa.

Subjek ini dibahagikan kepada 2 bahagian untuk penilaian. Iaitu Peperiksaan Akhir sebanyak 50% dan Tugas 50%. Bahagian tugas ini pula dibahagikan kepada tiga kelompok iaitu; tugas berkumpulan 20%, tutorial berkumpulan 20% dan ujian bertulis 10%. Bagi tugas berkumpulan para pelajar dikehendaki menjalankan kajian ringkas (asas) berkaitan tajuk yang ditetapkan. Semua tajuk tugas ini meliputi isu-isu semasa di Malaysia.

Tugas berkumpulan dan tutorial berkumpulan memerlukan pelajar bekerjasama dalam satu kumpulan yang terdiri daripada 8 hingga 10 orang (bergantung kepada jumlah keseluruhan pelajar). Kebiasaannya setiap kumpulan ini terdiri daripada pelbagai kaum, walaupun perkara tersebut bukanlah menjadi kewajiban dan keperluan subjek. Hal ini demikian kerana faktor bahasa Malaysia. Oleh kerana subjek ini disampaikan menggunakan bahasa Malaysia, ia menjadi keperluan untuk semua pelajar memahami dan bijak menggunakan bahasa tersebut semasa membuat laporan tugas. Keperluan ini memaksa pelajar yang kurang fasih penggunaan bahasa Malaysia untuk membentuk kumpulan mereka terdiri daripada pelajar yang fasih berbahasa Malaysia. Atas faktor ini kumpulan tugas dan kumpulan tutorial ini terdiri daripada pelbagai kaum dan negeri asal.

Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan telah membuka ruang dan peluang kepada semua pelajar untuk menggunakannya. Walaupun sebahagian besar subjek yang diajar di UNITEN menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya. Di UNITEN kursus yang ditawarkan adalah dalam bidang Kejuruteraan, Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Perakaunan dan Perniagaan. Semua subjek bagi kursus major ini diajar menggunakan bahasa Inggeris. Penggunaan bahasa Malaysia dalam subjek Pengajian Malaysia ini secara tidak langsung telah menyemai semangat kenegaraan yang tinggi di kalangan pelajar. Minat serta kesungguhan pelajar mempelajari dan berbincang menggunakan bahasa Malaysia ini telah menunjukkan pelajar ini mudah diserapkan dengan nilai-nilai kenegaraan yang baik sebagaimana yang terkandung dalam konsep 1Malaysia.

ANALISIS KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Data yang dikumpul dari borang soal selidik yang diedarkan telah dianalisis menggunakan huraian berpandukan peratusan dari kaedah Anova. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan asas iaitu pengumpulan

data dan maklumat dari edaran borang soal selidik. Soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik merangkumi 3 bahagian utama iaitu; Maklumat Asas seperti nama, jantina, umur, kursus pengajian, negeri asal. Bahagian kedua pula berkaitan tahap pemahaman tentang konsep 1Malaysia. Manakala bahagian ketiga merangkumi aspek hubungan subjek Pengajian Malaysia dengan pemahaman Konsep 1Malaysia.

Berdasarkan maklumat dari borang soal selidik didapati secara keseluruhannya para pelajar UNITEN yang mengambil subjek Pengajian Malaysia ini memahami konsep 1Malaysia di peringkat asas. Iaitu mereka sedia maklum bahawa konsep aspirasi negara ini merupakan satu konsep yang baru diperkenalkan oleh pemimpin negara. Jika sebelum ini mereka telah didedahkan dengan konsep Islam Hadhari, maka pengenalan konsep 1Malaysia ini pada tanggapan mereka adalah perkara yang sama dari segi asasnya. Pengenalan konsep aspirasi negara ini pada mereka merupakan hala tuju dan matlamat umum kepimpinan negara terhadap rakyatnya. Lebih daripada 70% pelajar-pelajar ini faham secara umum makna dan matlamat pengenalan konsep 1Malaysia. Secara umumnya kefahaman mereka tentang makna 1Malaysia adalah satu konsep yang memberi penarafan yang sama kepada semua kaum yang terdapat di Malaysia. Dari lebih kurang 30% yang kurang jelas berkaitan konsep ini pula berpendapat 1Malaysia adalah konsep yang diperkenalkan oleh kerajaan sebagai bukti bahawa kepimpinan negara telah berubah. Atau dengan maksud yang lebih mudah kumpulan ini berpendapat bahawa apabila Perdana Menteri berubah maka perlu ada satu konsep baru diperkenalkan.

Persepsi ini menggambarkan para pelajar tetap juga memahami tentang konsep aspirasi negara. Cuma kelompok ini tidak jelas apa sebenarnya makna dan hala-tuju konsep tersebut kepada mereka. Secara umumnya semua pelajar sedar tentang kewujudan konsep 1Malaysia. Mereka sering mendengar konsep ini melalui media. Sama ada media cetak berupa surat khabar dan majalah, juga media elektronik berupa televisyen, radio dan internet. Walau bagaimanapun lebih 80% pelajar-pelajar ini mendapat sumber maklumat dari internet. Maklumat melalui internet ini kebanyakannya bersumberkan blog dan akhbar maya yang lebih banyak maklumat sensasi daripada maklumat sahih. Perkara ini telah mempengaruhi pemahaman para pelajar berkaitan isu dan dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan.

Sumber maklumat berasaskan internet lebih cenderung memberi makna yang berbeza daripada maklumat arus perdana. Blog-blog peribadi yang memaparkan maklumat dan penerangan berdasarkan pemahaman penulis itu sendiri kebiasaannya memberi kesan kepada pemahaman pelajar berkaitan satu-satu isu. Dalam konteks pemahaman pelajar terhadap konsep 1Malaysia, maklumat yang mereka perolehi dari sumber internet banyak memberi pandangan dari sudut yang negatif.

Para pelajar mempunyai alasan mengapa internet menjadi sumber maklumat utama mereka. Selain daripada kesuntukan masa, para pelajar juga berpendapat penggunaan internet lebih mudah, selesa dan menjimatkan. Dengan kemudahan jalur lebar yang disediakan oleh pihak universiti, para pelajar boleh mengakses kemudahan internet

di mana sahaja di dalam kawasan kampus lebih memberi keselesaan kepada mereka. Para pelajar dapat menjimatkan masa dan wang ringgit daripada membeli akhbar harian yang kadangkala memerlukan masa yang panjang untuk membacanya. Alasan ini menjadikan mereka lebih berminat menggunakan kemudahan internet.

Dari segi jantina pula, pelajar lelaki lebih cenderung meneroka isu-isu semasa yang berlaku di dalam dan luar negara. Pelajar lelaki juga berminat untuk berbincang berkaitan kepimpinan dan politik negara. Termasuk dasar dan hala-tuju negara. Isu-isu politik kepartian juga menarik minat pelajar lelaki untuk dibincangkan. Kumpulan ini merangkumi 80% pelajar lelaki yang menjawab borang soal selidik yang diedarkan. Peratusan ini adalah daripada jumlah keseluruhan pelajar lelaki yang terlibat iaitu seramai 180 orang daripada 300 responden, selebihnya adalah pelajar perempuan.

Di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) jumlah pelajar lelaki lebih ramai berbanding pelajar perempuan. Hal ini demikian kerana kursus utama yang ditawarkan di sini adalah kursus kejuruteraan seperti kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrik dan elektronik, kejuruteraan elektrik kuasa dan kejuruteraan awam. Selain itu kursus-kursus teknologi maklumat dan sains komputer serta kursus perakaunan dan perniagaan dan juga pemasaran. Walau bagaimanapun kursus teknikal yang ditawarkan oleh Fakulti Kejuruteraan lebih menarik minat pelajar lelaki.

Bagi kursus perakaunan, perniagaan dan pemasaran hanya ditawarkan di UNITEN Kampus Sultan Haji Ahmad Shah, di Bandar Muazam Shah, Pahang. Oleh itu kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar dari Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Teknologi Maklumat sahaja. Kajian ini melibatkan 300 orang pelajar yang mengikuti subjek Pengajian Malaysia pada semester kedua sesi 2009/2010. Jumlah ini adalah dari tiga seksyen yang dikendalikan oleh pengkaji. Purata jumlah pelajar bagi satu seksyen adalah 100 orang. Daripada jumlah ini 180 adalah pelajar lelaki manakala pelajar perempuan adalah seramai 120 orang. Kumpulan pelajar ini terdiri daripada pelajar semester pertama sehingga pelajar semester tiga dan empat. Walau bagaimanapun majoriti pelajar-pelajar ini adalah pelajar semester pertama dan kedua iaitu 75%. Selebihnya adalah pelajar semester ketiga dan pelajar semester keempat hanya 1% sahaja.

Penerapan nilai 1Malaysia berlaku melalui tugas berkumpulan dan tutorial berkumpulan yang diberikan. Bagi memenuhi keperluan subjek Pengajian Malaysia ini para pelajar diminta menyediakan satu laporan kajian berkaitan isu-isu yang berlaku di Malaysia. Satu tema akan diberikan oleh pensyarah. Manakala tajuk khusus akan ditentukan oleh kumpulan masing-masing. Sebagai contoh tema dasar negara telah dipilih. Oleh itu pelajar akan memilih tajuk yang sesuai berkaitan tema tersebut. Misalnya '*Tahap Pemahaman dan Peranan Pelajar Terhadap Dasar Pembangunan Nasional*'. Kupasan tentang tajuk yang dipilih perlu menyeluruh dan disertakan dengan borang soal selidik. Penyelidikan asas perlu dijalankan oleh kumpulan pelajar tersebut. Untuk menyiapkan tugas ini aspek kerjasama dalam kumpulan amatlah dituntut.

Dengan keahlian seramai 8 hingga 10 orang pelajar yang terdiri dari pelbagai kaum dan negeri asalnya telah mewujudkan satu kerjasama yang menarik untuk dilihat. Dalam konteks ini peranan bahasa Malaysia sebagai medium pengajaran dan pembelajaran telah berlangsung dengan baik. Walaupun semua pelajar yang berbilang bangsa dan asal keturunan ini boleh berbahasa Malaysia serta faham menggunakan bahasa Malaysia namun dari segi kefasihan dan tahap penggunaan tatabahasa yang betul masih lagi menjadi masalah kepada mereka. Oleh itu penyelesaiannya adalah dalam setiap kumpulan tersebut perlu ada beberapa orang yang fasih bertutur dan faham berkaitan penggunaan perkataan-perkataan dalam bahasa Malaysia.

Hal ini menyebabkan nilai 'penerimaan' yang digariskan dalam konsep 1Malaysia dapat disemai kepada para pelajar. Nilai *penerimaan* adalah nilai yang keempat dalam senarai nilai yang terkandung dalam konsep 1Malaysia. Nilai ini memberi penekanan kepada sifat tolak ansur yang ikhlas dan positif daripada setiap warga Malaysia. Dari perspektif para pelajar nilai ini secara tidak langsung telah diaplikasi semasa menyelesaikan tugas subjek Pengajian Malaysia. Kerencaman pendapat serta buah fikiran dalam kumpulan tersebut dapat diselesaikan melalui perbincangan yang berhemah menggunakan bahasa Malaysia.

Bahasa Malaysia masih lagi relevan digunakan sebagai medium perbincangan untuk topik yang bersifat ilmiah. Bahasa ini tetap selesa digunakan oleh para pelajar untuk berdiskusi berkaitan perkara yang penting dan rumit. Di tengah-tengah pelbagai polemik yang timbul berkaitan keupayaan bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmiah di peringkat pengajian tinggi ternyata meleset. Kajian ini membuktikan penggunaan bahasa Malaysia yang menyeluruh dan seragam telah memberi pemahaman yang lebih baik kepada para pelajar. Melalui borang soal selidik yang diedar, bahagian ketiga dikemukakan soalan umum berkaitan kefahaman dan keselesaan pelajar mengikuti perbincangan berkaitan subjek yang diambil, rata-rata bersetuju bahasa Malaysia memudahkan mereka. Terutama di kalangan pelajar Melayu.

Menyemai semangat 1Malaysia melalui subjek berbahasa Malaysia merupakan salah satu cara yang boleh digunakan untuk memberi pemahaman kepada generasi muda terutamanya para pelajar di peringkat pengajian tinggi. Hasil dari kajian ini mendapati para pelajar amat bersetuju bahawa peranan bahasa Malaysia begitu besar untuk mewujudkan sifat kekitaan dan cintakan negara di kalangan para pelajar. Apabila hanya satu bahasa digunakan dalam perbincangan berkaitan tugas dan topik yang dijelaskan oleh pensyarah semasa sesi kuliah telah menyemarakkan semangat kenegaraan dan rasa kesamarataan di kalangan pelajar. Hal ini demikian kerana tiada jurang pemisah yang wujud di antara pelajar tersebut. Yang sebelum ini jika menggunakan bahasa Inggeris contohnya, terdapat beberapa ahli kumpulan yang tidak dapat menyertai perbincangan tersebut dengan baik. Apatah lagi bila perbincangan yang menggunakan bahasa ibunda masing-masing ataupun loghat tempatan negeri masing-masing. Hal ini amat dipersetujui oleh responden yang dikaji. Lebih daripada 95% responden bersetuju dengan pernyataan ini.

KESIMPULAN

Kajian ini adalah cubaan untuk melihat peranan bahasa Malaysia dalam usaha menyemai semangat 1Malaysia yang diwar-warkan oleh kepimpinan negara kini. Sejak diperkenalkan oleh YAB Dato Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak setelah menduduki tampuk kepimpinan negara, konsep 1Malaysia ini telah mengubah persepsi masyarakat Malaysia berkaitan kehidupan bersama.

Definisi yang lebih mudah untuk difahami telah timbul sebaik sahaja 1Malaysia diperkenalkan. Rata-rata masyarakat umum mengetahui bahawa kehidupan dalam masyarakat yang berbilang bangsa dan kepercayaan ini memerlukan komitmen yang tinggi daripada semua rakyat untuk mewujudkan keharmonian berpanjangan. Cabaran yang menanti adalah terlalu besar. Hanya penerapan nilai-nilai yang digariskan dalam konsep 1Malaysia dilihat mampu menjadikan Malaysia negara yang mempunyai masyarakat majmuk yang aman, harmoni dan stabil.

Hasil kajian ini mendapati para pelajar yang dijadikan responden kajian telah terdedah lebih awal berkaitan konsep 1Malaysia. Mereka telah mempunyai maklumat yang jelas berkaitan konsep ini. Namun nilai yang digariskan melalui konsep ini masih tidak diaplikasikan dengan baik. Terdapat beberapa halangan yang menjadi cabaran kepada semua pihak untuk menjayakan aspirasi kerajaan ini. Antaranya keikhlasan, penerimaan dan integriti yang masih longgar dalam masyarakat Malaysia kini.

Bahasa Malaysia sebagai medium menyemai semangat 1Malaysia melalui tugas subjek Pengajian Malaysia berhasil mencapai matlamat yang digariskan. Maklum balas dari para pelajar yang terlibat adalah positif dan mengejutkan. Mereka dapat mengaplikasikan bahasa Malaysia dengan baik semasa menyiapkan tugas yang diberi. Proses menyiapkan tugas tersebut melalui beberapa peringkat seperti perbincangan awal, pembahagian tugas, pengumpulan maklumat, analisis data dan penulisan laporan yang semuanya menggunakan bahasa Malaysia sebagai medium komunikasi di antara pelajar ini telah secara langsung dan tidak langsung menyemai semangat 1Malaysia di kalangan para pelajar.

Hal ini penting untuk dilihat kerana kelompok yang berada di pusat pengajian tinggi ini adalah dari kalangan generasi yang berpotensi untuk mencorak dan menerajui kepimpinan negara suatu hari nanti. Kefahaman yang jelas di kalangan mereka ini berkaitan konsep 1Malaysia mampu untuk mengekalkan keharmonian di kalangan masyarakat Malaysia yang wujud sekarang sehingga di masa akan datang dan mampu dikekalkan sampai bila-bila.

Kajian lanjut berkaitan peranan subjek berbahasa Malaysia di institusi pengajian tinggi ini perlu diberi perhatian serius oleh pelbagai pihak. Banyak lagi aspek-aspek penting yang memerlukan kajian lebih mendalam dan ilmiah dijalankan oleh pelbagai pihak. Demi menjamin kelangsungan nilai yang digariskan melalui konsep 1Malaysia.

RUJUKAN

Hashim Musa. (2005). *Monograf Jabatan Bahasa*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.

_____. (2002). *Kamus dewan* (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nadzan Haron & Rozeman Abu Hassan. (2010). *Malaysia melangkah ke hadapan: Pengajian Malaysia sejak 1945*. Puchong, Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

www.1Malaysia.com.my

www.mqa.gov.my